

Ucapan Y.B. Enche Hussein Onn, Menteri Pelajaran
meletakkan batu asas Pusat Daerah bagi Pelajaran
Sains dan Ilmu Hisab di-Glugor, Pulau Pinang pada
9.9.71 jam 10.00 pagi.

Upacara pada hari ini adalah merupakan satu upacara yang bersejarah. Ianya menandakan permulaan pembinaan kemudahan2 tetap bagi RECSAM, yang akan menjamin perpaduan usaha2 bagi Negara2 SEAMEO (Pertubuhan Menteri Pelajaran Asia Tenggara) untuk memperbaiki Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab dirantau ini.

2. Negara2 membangun telah mengakui betapa pentingnya memodenkan rancangan2 Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab di-sekolah2 untuk mengadakan asas Bahagian Latihan Tenaga Manusia dalam bidang Sains dan Teknikal yang dikehendakki bagi pembangunan, adalah sedang berusaha dengan sungguh2 untuk memperbaiki bidang pelajaran sekolah mereka. Telah diketahui bahawa kesulitan terhadap usaha2 yang berguna ini ialah kekurangan dikawasan ini pendidik2 yang berkelayakan dan mempunyai daya menchipta dan yang sanggup memutuskan apakah langkah2 praktikal sa-patut-nya di-ambil untuk menchapai kemajuan2 yang sebenarnya. Kekurangan ini akan menjadi bertambah sulit pada tahun2 yang akan datang dengan bertambahnya keperluan2 pelajaran. Pegawai2 penting yang sabilangannya sama ada beratus2 atau pun beribu2 perlu diberi latihan yang merupakan tindakan dan masaalah ditempat masing2. Bagi Asia Tenggara, usaha yang begitu banyak telah diamanahkan kepada RECSAM oleh SEAMEO yang mana tuan2 dan puan2 ketahui adalah berusaha untuk memajukan kerjasama daerah melalui Pelajaran, Sains dan kebudayaan.

3. Dengan bermulanya pembinaan Peringkat Pertama Pusat ini ia dapat mengujudkan satu identitynya sendiri sebagai sebuah pusat yang chemerlang didalam dunia mengenai latihan pemimpin2, serantau dibidang2 Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab.

4. Menjelang awal tahun 1974 RECSAM akan mempunyai kemudahan2 serantau yang moden sepenuhnya untuk melaksanakan latihan, penyelidekan bidang pelajaran, kursus2 pembangunan dan penilaian dan bahan2 pengajaran dan juga aktiviti2 pengeluaran alat2 tempatan. Selain daripada itu ia juga akan mempunyai Pusat penerangan dan dokumentasi untuk mengumpulkan dan membahagi2kan bahan2 Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab dan juga untuk menyalorkan segala bahan ini di-Asia Tenggara. Pusat ini akan selalu mengadakan persidangan2 dan juga workshop serantau dengan tujuan untuk membantu Negara2 Asia Tenggara supaya mengikuti atau mendahului rancangan2 memperbaiki Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab.

5. Memandangkan kepada laporan2 Pengarah dan Pengerusi Lembaga Pengurus RECSAM, Pusat ini telah menchapai kejayaan yang besar dalam masa tiga tahun yang lepas sepanjang masa itu telah berjaya melateh lebeh dari 350 orang guru2 dan pendidik2 yang utama di-Asia Tenggara untuk menjalankan peranan2 ulong dalam usaha2 membaharui bidang Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab. Ini lebeh2 lagi patut diberi pujian memandangkan bahawa aktiviti2 telah dijalankan dibangunan2 yang dipinjam.

6. Saya mengucapkan tahniah kepada Lembaga Pengurus atas bimbingannya kepada sabilangan kechil kakitangan RECSAM.

Sukachita saya ketahui bahawa dengan adanya lebeh banyak lagi kemudahan2 pada menjelang awal tahun hadapan RECSAM telah merancangkan untuk mengadakan 19 kursus pimpinan dalam bidang latihan, penyelidekan, bidang pelajaran dan penilaian dalam pelajaran Sains dan Ilmu Hisab bagi 380 kakitangan penting dari Negara2 anggota. Saya yakin bahawa RECSAM akan memainkan peranan penting dan berkesan sebagai satu ejen kawasan dalam mengujudkan perubahan dan pembaharuan dengan mengadakan

pemimpin2 tempatan yang menchukupi kepada Negara2 anggota untuk membaharui Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab.

Malaysia menyunjong tinggi sumbangan dari Kerajaan Amerika Sharikat yang merupakan wang sebanyak \$8 juta Malaysia bagi membiayai bangunan2, kemudahan2 dan kelengkapan RECSAM. Sumbangan ini merupakan 50% daripada jumlah perbelanjaan modal dan perbelanjaan pengendalian. Walau pun Malaysia akan mengadakan belanja2 yang 50% itu untuk 5 tahun mulai dari Julai, 1970, Malaysia menganggap dirinya sebagai penderma demi kepentingan SEAMEO. Saya juga menguchapkan terima kaseh kepada Kerajaan British, Kerajaan Jepun, Pusat Bidang Pelajaran Sains Kaji Hayat, UNESCO, CEDO, dan Yayasan2 yang lain atas bantuan2 teknikal serta derma kelengkapan dan bahan2 yang di-berikan kepada Pusat ini. RECSAM memerlukan lebeh banyak lagi bantuan dari segi kewangan atau apa sahaja untuk menjalankan tugas2 pentingnya dalam bidang Pelajaran dan sumbangan2 atau derma2 dari ahli2 Dermawan, Kerajaan, Ajensi2 Antarabangsa, Yayasan2 serta Badan Perusahaan adalah sangat dialu2kan.

Malaysia bangga kerana dapat menjadi tuan rumah kepada RECSAM dan akan memberi segala sokongan yang terdaya kepada pusat daerah ini sebagai sumbangan-nya terhadap perlaksanaan Pelajaran Sains dan Ilmu Hisab dengan jayanya di-Asia Tenggara.

/hy.



No Siri	62
No Penerimaan	62 / 80